

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8228**

**SOALAN:**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penambahan jawatan pegawai Jabatan Imigresen yang diluluskan untuk negeri sabah bagi tujuan penguatkuasaan memandangkan negeri ini mempunyai banyak pintu masuk negara.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa kini, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah mempunyai 1,023 perjawatan dengan 314 daripadanya adalah untuk aktiviti penguatkuasaan dan 348 pula bertugas di pintu-pintu masuk di seluruh negeri Sabah.**

**Selaras dengan keputusan pelaksanaan prinsip penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia juga sedang menyelaras perkara-perkara teknikal yang telah dikenalpasti bagi negeri Sabah termasuk isu penambahan jawatan Pegawai-pegawai Imigresen untuk tujuan penguatkuasaan dan kawalan pintu-pintu masuk.**

**Penyediaan keperluan yang sesuai sedang dikaji dan diperincikan sebelum dimajukan kepada agensi pusat untuk pertimbangan.**